

C H E R A M A H

Enche' Senu bin Abdul Rahman.

Samenjak 11 hb. May, 1946, sa-waktu UMNO di-lahirkan di-Johore Bharu, UMNO telah menempoh beberapa lapisan sejarah dan berjuang di-dalam beberapa gelanggang siasah. UMNO di-lahirkan sa-bagai akibat dari poncherobohan sa-chara langsung oleh penjajah Inggeris dari marampas kuasa dan kedaulatan Raja2 Melayu dengan menjadikan Malaya bukan lagi Tanah Naongan, tetapi Tanah Jajahan, sa-teraf dengan Singapura, Pulau Pinang dan Melaka,

2, Samenjak itu semangat Kebangsaan Melayu yang sudah maulai tumbuh dari sa-belum perang yang berkubar2 sa-lama di-bawah penindasan Jepun pada pertama kali-nya mendapat Lembaga dan Tuboh yang sa-benar2-nya di-bawah PERTUBOHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU. Hampir seluruh ra'ayat negeri ini sama ada sa-chara langsung atau tidak ada-lah menyokong atau bersimpati dengan perjuangan Pertubohan ini. Maka dengan berkat persatuan dan perpaduan yang bulat di-antara ra'ayat2 Melayu, UMNO telah berjaya mematahkan chita2 dan tindakan Kerajaan Inggeris dengan menimbangkan samulahak dan kedaulatan Raja2 Melayu dan taraf Negeri2 Melayu sa-bagai Tanah Naongan Inggeris.

3. Kemenangan yang merupakan perkembangan ra'ayat Melayu yang paling besar samenjak Kerajaan Portugis menjejak kaki penjajahan-nya di-bumi Melaka dalam tahun 1511, telah menghidupkan sa-mula semangat ketabahan dan keberanian Melayu dan chita2 untok menerdekakan terus Tanah Melayu dari penjajahan Inggeris telah merupakan satu matlamat yang bukan lagi mustahil untok di-chapai. Sunggoh pun sa-belum itu chita2 dan harapan yang demikian telah tuboh di-kalangan ra'ayat Melayu, tetapi sa-golongan besar maseh belum yakin dan keadaan serta pertubohan2 di-dalam dan di-luar negeri juga merupakan satu perkara yang agak mustahil atau sukar untok meyakinkan Kerajaan Inggeris menyerahkan Kemerdekaan sa-bagai chara Kemerdekaan yang kita chapai pada 31hb, August, 1957.

Kalau perjuangan UMNO di-tujukan untok mengembalikan taraf Negeri2 Melayu dan kedudukan Raja2 Melayu sa-bagai sa-belum pechah Perang Dunia Yang Kedua, sa-bolum lhb, February, 1948, tetapi sa-lepas itu sa-telah terchapai tujuan tersebut ia-itu sa-lepas hilang-nya matlamat perjuangan yang pertama itu, UMNO bukan sahaja tidak turut hilang atau menjadi lemah, tetapi sa-balek-nya menjadi bertambah kuat. Sebab-nya ia-lah kerana dengan kejayaan-nya itu UMNO telah mendapat kepercha-

yaan dan keyakinan yang lebih besar dari ra'ayat Melayu. UMNO di-anggap sa-bagai lambang dan tonggak perpaduan untuk memperjuangkan nasib orang Melayu seluruh dan sa-terus-nya.

5. Seruan "HIDUP MELAYU" bertukar menjadi seruan "MERDEKA", manakala matlamat perjuangan UMNO di-tetapkan untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sa-bagai jentera perjuangan, UMNO di-perketat dan di-sasuaikan supaya UMNO merupakan sa-buah party siasah yang sa-benar2-nya yang mempunyai chukup syarat2 dan kebolehan untuk menchapai matlamatnya. Sunggoh pun pada mula-nya tetekala teraju pimpinan UMNO bertukar, ia-itu dari tangan Allah Yarham Dato' Om ka-tangan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra? UMNO menempoh satu krisis yang belum pernah di-tempoh-nya samenjak ia-di-lahirkan manakala sa-bahagian dari pemimpin2 dan pengikut2 Allah Yarham Dato' Om meninggalkan UMNO. Tetapi krisis itu beransor2 dapat di-sembuhkan. Satu lagi pENCHUBAAN yang di-tempoh oleh UMNO ia-lah manakala Party Islam Sa-Malaya di-tubuhkan oleh sa-bahagian besar dari bekas ahli2 UMNO Sendiri yang menudoh UMNO tidak memperjuangkan dasar yang di-anuti oleh-nya.

6. Satu perkembangan baharu yang ti-tempoh dan di-dorong oleh UMNO yang menyebabkan UMNO kehilangan sa-jumlah pemimpin2 dan ahli2-nya ia-lah manakala UMNO dengan pimpinan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra membuat ketetapan bekerjasama dengan Persatuan China Sa-Malaya (M.C.A.) dan kemudian-nya dengan Kongress India Sa-Malaya (M.I.C.).

7- Pada masa ini UMNO di-tudoh memperhambakan diri dan menjual hak2 orang Melayu kepada orang2 yang bukan Melayu dan sa-terus-nya UMNO telah di-tudoh membelot kepada perjuangan orang Melayu.

8. Dalam sa'at yang akhir sa-belum Malaya Merdeka pada 31hb August, 1957 di-dalam masa merangka Perlembagaan Malaya, UMNO juga telah kehilangan beberapa orang pemimpin dan anggota2 ia-itu mereka2 yang memikirkan bahawa pemimpin2 UMNO telah terlalu banyak bertolak ansor yang merugikan kedudukan orang Melayu.

9. Kalau di-dalam perjuangan mematahkan ranchangan Malayan Union Inggeris telah di-lakukan oleh UMNO sendiri dengan tidak mendapat bantuan daripada pertubohan2 lain atau dari bangsa2lain di-Malaya, tetapi dalam perjuangan, maka UMNO telah bekerjasama dengan rakan2-nya di-dalam Persatuan China sa-Malaya dan Kongress Indian Malaya atas nama PARTY PERIKATAN, dengan PERIKATAN maka perjuangan UMNO berkisar dan perkisaran ini ada-lah merupakan perkisaran polisi bukan prinsip.

10. Sa-bagai sa-buah party siasah UMNO sedar bahawa di-dalam suasana perkembangan POLITIK INTERNASIONAL dan dengan keadaan di-Malaya yang merupakan satu keadaan atau faktor yang mustahil bagi UMNO sa-bagai pertubohan orang Melayu sa-mata2 dapat berjaya di-dalam perjuangan-nya menchapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu, jika tidak dapat bekerjasama dengan pertubohan2 yang mewakili bangsa2 yang bukan Melayu yang merupakan sa-paroh dari penduduk2 negeri ini. Lawan2 yang paling hebat yang di-hadapi UMNO di-waktu ini ia-lah dari mereka2 yang terdiri dari orang2 yang berperasaan Kebangsaan yang sempit dan yang di-selimuti oleh propaganda2 dan ajaran2 ugama yang tidak dapat 'membedzakan di-antara bayang2 dengan Lembaga yang sa-benar.

11. Tetapi UMNO yang chukup sedar dengan keadaan yang sa-benar dan dengan kedudukan Malaya dalam pertengahan Abad Yang Kedua Puloh ini, mempunyai keyakinan penoh, bahawa chuma dengan kemerdekaan yang segera bagi Malaya ia-itu manakala semua polisi dan teraju pemerentahan tidak lagi di-pegang dan di-arahkan dari White Hall, maka nasib orang Melayu, yang sudah sa-makin hari sa-makin mundir itu akan dapat di-selamatkan. Kemerdekaan Politik yang di-perjuangkan oleh UMNO itu ada-lah merupakan asas dan tapak untok mengembalikan hak kemerdekaan dan kedaulatan Tanah Ayer dan membuka serta meluaskan peluang untok orang Melayu yang sa-lama ini terchepit di-belakang dan di-perbedzakan (discrimination), hampir dalam segala lapangan ekonomy, pendidekan, kebudayaan dan pergaulan. Chuma mereka2 yang meraba2 di-waktu siang yang tidak dapat mellhat kenyataan ini. Mereka2 ini merasa pada masa dahulu biar-lah Malaya tidak Merdeka, kalau di-dalam Malaya yahg Merdeka itu bangsa2 yang bukan Melayu juga yahg mendapat tempat dan kemewahan.

12. Perasaan ini timbul dari rasa takut kapada kekua-tan dan kapada rasa tidak perchaya kapada orang2 yang bukan Melayu dan juga kerana tidak ada keperchayaan kapada diri sendiri ia-itu kapada kebolehan orang Melayu sendiri. Mereka ,takut orang Melayu akan tenggelam dan di-hanyutkan oleh arus orang2 yang bukan Melayu, Sa-balek-nya mereka tidak ada ranchangan sama sa-kali untok mempertahankan nasib orang Melayu sa-lain dari menyerah dan membayangkan ketakutan mereka. Dari itu aki-bat yang bakal terbit dari ketakutan mereka yang terus menerus di-bayang dan di-suarakan itu sa-mata2 akan membahayakan ra'ayat dan negeri ini termasuk orang Melayu sendiri ka-jurang dan ka-kenchah pertemporan di-antara gulongan2 bangsa yang hasil-nya tidak akan menguntongkan siapa2.

13. Lagi satu harapan mereka ia-lah menyeretkan Malaysia ka-seberang laut ia-itu hendak menjadikan negeri ini sa-bahagian dari negara Republik Indonesia. Konon-nya ini-lah

sahaja satu jalan yang boleh men&elamatkan orang2 Melayu di-Malaysia. Betul-kah langkah ini boleh menyelamatkan orang Melayu ? Kejadian2 yang berlaku di-akhir2 ini di-antara Malaysia dan Indonesia dan kejadian2 yang berlaku terus-menerus di-Indonesia sendiri tidak dapat sama sa-kali menjaminkan harapan mereka yang tersebut., &a-balek-nya dengan menganut pendapat yang sa-demikian sudah tentu akan mendapat tentangan dari gulungan2 bangsa lain dan sa-bagai" reaksi mereka, maka mereka juga akan berusaha dengan tujuan menyelamatkan mereka sendiri, umpama-nya orang2 China berdampmg dan bkerja menjadikan negeri ini sa-bagai sa-bahagian atau sa-buah negara yang termasuk di-bawah pengaruh pemerintah China. Bagitu juga orang2 India akan bekerja pula untuk pemerintah India, Kalau terjadi-lah keadaan yang sa-demikian sampai bila-kah atau maseh ada-kah lagi harapan untuk kita membena satu Bangsa yang tegap, bersatu-padu dan dapat berbangga dengan Bangsa dan Negara Malaysia yang sudah Merdeka dan Berdaulat, Pendek-nya huru-hara yang terbit dari perasangka dan salah faham di-antara satu gulungan bangsa dengan lain akan terus-meherus berlaku dan merebak, yang akibat-nya boleh membakarkan Negara dan juga Negeri ini seluroh-nya.

14. Untong-nya hampir seluroh ra'ayat Melayu di-Malaya tidak berperasaan yang demikian. Kita maseh perchaya dan yakin kapada kebolehan .lan kebijaksanaan kita sendiri untuk mengurus dan menyelamatkan bukan sahaja bangsa kita, tetapi negara dan ra^Tayat negeri selumah-nya . Kemerdekaan Malaya yang di-chafiai pada 31hb₀ August, 1957, itu ada-lah berkat dari ketabahan dan keyaklnan ini* Sa-tiap negara yang baharu Merdeka ada-lah mempunyai dan menghadapi sa-ribu satu masalah dan bagi-nya orang2 yang pengechut dan tidak mempunyai pendirian dan keperchayaan kapada diri sendiri, tidak ada tempat sama sa-kali. Mereka sa-mata2 akan merupakan gulungan2 pengahhau yang menyekat dan menggalang kemajuan* Dan mereka2 ini juga akan dengan mudah-nya menjadi umpan dan agent2 dari negara2 asing dan fahaman2 anti-Malayan atau anti-Malaysia.

15. Matlamat periuangan UMNO sa-belum 31hb. August, 1957, ia-lah MERDEKA. Dengan merdeka teraju pemerintahan atau kuasa politik ada-lah sa-ratus peratus di-tangan kita, biar pun dalam soal ekonomy dan pertahanan kita maseh bergantung kepada Kerajaan Enggeris dan pemodal2 asing. Polisi ekonomi dan pertahanan ini juga ada-lah merupakan polisi yang realistik dan yang sesuai bagi sa-eabuah negara yang berkedudukan sebagai Malaya.

16» Biar pun ada orang2 yang menchuba membawakan _ Perasaan dengan menggunakan polisi ekonomi dan pertahanan ini sebagai polisi yang menguntongkan kaki-tangan kapitalis dan Penjajahan dan menudoh Kerajaan Perikatan dan mensifatkan Malaya sebagai negara yagg belum benar2 Merdeka.

17. Tetapi ra'ayat Malaya tidak akan terpedaya kapada propaganda2 yang demikian, kerana mereka tahu dan sedar akan keadaan dan kedudukan Malaya yang sa-benar2-nya dari segi pergolakan dan pertarungan politik negara2 tetangga dan politik internasional sendiri-nya.

18. Polisi UMNO di-dalam rangka Party Perikatan yang memegangteraju penerentahan negeri ini telah di-tumpukan sa-penoh2-nya untuk membaiki keadaan2 yang tidak sa-imbang dan yang tidak sasuai dengan negara yang sudah Merdeka, terutama-nya di-dalam lapangan perusahaan, dan pertanian, pendidekan, kebajikan 'am, pertahanan dan lain2-nya.

19. Di-dalam lapangan perusahaan sa-lain dari maksud memperbesar dan meluaskan perusahaan dengan memberi kemudahan2 kapada ahli2 perusahaan dan perniagaan, biar dari dalam atau dari luar negeri, maka Kerajaan Perikatan berusaha dan maseh terus berusaha memberi peluang melateh menggalak dan membantu orang2 Melayu memasoki lapangan perniagaan dan perusahaan.

20. Kerana dalam lapangan ini-lah kedudukan orang2 Melayu sangat jaoh mundur dan kemundoran ini telah menyebabkan kedudukan orang2 Melayu bukan sahaja tidak sa-imbang dalam lapangan penghidupan atau ekonomi, tetapi juga tidak sa-imbang dalam lapangan pendidekan dan pengetahuan.

21. Dengan lemah-nya ekonomi orang Melayu, dengan sendiri-nya menyebabkan kelemahan dalam lapangan pendidekan dan pega'olan kerana peluang2 ini dengan sendiri-nya tersekat. Di-sini-lah maka Kerajaan Perikatan bukan sahaja patut, tetapi wajib menghulor tangan membantu orang Melayu sa-chara berterusterang. Keselamatan negeri ini pada masa akan datang akan menjadi lebeh terancham kalau perbedzaan hidup di-antara yang kaya dengan yang miskin sangat lebar dan luas. Kejadian yang berlaku di-negeri2 lain patut menjadi pelajaran kapada kita. Apa lagi dengan keadaan di-negeri ini sendiri dalam mana perbedzaan itu bukan sahaja di-antara yang miskin dengan yang kaya di-dalam satu golongan bangsa sa-bagai di-kebanyakkan di-negeri2 lain, tetapi perbedzaan di-sini ia-lah di-antara satu suku bangsa dengan suku bangsa yang lain.

22. Di-satu pihak ia-lah satu golongan bangsa yang kaya dan ma'amor, padahal di-satu pihak bumi putera asli terus menderit dan terhimpit dan beransor2 pula hilang peluang2 bagi mereka dalam lapangan-perusahaan dan perniagaan, mahu pun di-lapangan pendidekan dan pergaolan. Dan sa-terus-nya bukan tidak mustahil kalau di-lapangan politik juga mereka akan kehilangan.

23. Keadaan yang demikian jika di-biarkan berlarut2 akan menjadikan negeri ini tanah yang paling subur untuk perse-lisehan kachau-bilau dan pertemporan pada masa akan datang. Dengan alasan ini-lah maka Kerajaan wajib berterus-terang berusaha membantu orang Melayu dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Bahu pun pendidekan, kerana dengan itu maka dengan sendiri-nya Kerajaan dapat beransor2 menghapuskan faktor2 yang mengancam keselamatan dan ra'ayat seluroh-nya.
24. Orang2 yang bukan Melayu, terutama gulongan2 yang pada hari ini memegang hampir seluroh tampok dan teraju kekayaan dan kema' amoran negeri ini, patut di-beri pengertian dan penera-ngan dengan sa-penoh-nya supaya polisi kita tidak di-tudoh sa-bagai meinbedza2kan di-antara satu gulongan bangsa dengan gulongan bangsa lain yang juga menjadi warga-negara negeri ini. Sa-bagai yang kita sering dengar dari masa ka-sa-masa, tudohan2 yang demikian di-lemparkan, biar pun di-dalam perkara.? dan so'alan2 yang kechil2 yang di-lakukan oleh Kerajaan.
25. UMNO sa-bagai sa-buah Party Kebarssaan yang mem-perjuangkan nasib orang Melayu'di-dalam rangka ra'ayat negeri ini seluroh-nya mesti-lah tegas dan berani dan sentiasa waspada terhadap faktor2 dan unsor2 yang boleh melambat dan merugikan perjuangan-nya untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu.
26. Kalau UMNO telah berjaya di-dalam perjuangan-nya yang lepas di-dalam meruntuhkan Malayan Union dan dalam menchapai kemerdekaan bagi negeri ini dengan kerana UMNO, yang merupakan Party yang benar2 kuat dan benar2 mendapat sokongan hampir seluroh ra'ayat Melayu, maka sekarang UMNO mesti-lah bertambah kuat, bertambah tegas dan berani: dari melaksanakan tugas2-nya sa-bagai badan perjuangan dan pembelaan nasib orang Melayu seluroh-nya, dengan tidak melupakan bahawa perjuangan ini ada-lah di-dalam rangka kemajuan, keselamatan dan kebahagiaan ra'ayat negeri ini umum-nya.
27. Ahli2 UMNO mesti-lah faham dengan sa-penoh2-nya, bahawa perjuangan matlamat UMNO bukan sa-mata2 untuk orang Melayu, tetapi untuk seluroh ra'ayat dan negeri ini. Kalau UMNO memper-juangkan nasib orang Melayu di-dalam masa berjuang bersama2 dengan party dan gulongan bangsa2 lain yang menjadi v/arga-negara negeri ini, ada-lah kerana orang Melayu ada-lah tulang belakang png boleh menentukan tegak atau patah-nya, keselamatan dan kemerdekaan negeri ini pada masa yang akan datang. Dalam rangka ini-lah UMNO tidak mesti meraba ragu2 dan gentar terhadap ugutan2 dan tudohan2 dari pihak2 lain yang di-maksudkan sa-mata2 untuk melihat kehanchoran dan kemundoran negeri ini dan ra'ayat-nya.

28. Malaysia yang di-perjuangkan oleh UMNO bukan satu perkara yang timbul dengan tiba-tiba, tetapi adalah menurut saluran perjuangan dan cita-cita rakyat Malaya dan khususnya umat Melayu. Bukan satu perkara yang boleh disembunyikan bahawa Malaysia adalah dari kesempatan untuk rakyat di-Singapura, Sarawak dan Sabah mencapai kemerdekaan dan bersatu dengan saudara-saudara mereka rakyat di-Malaya, dan menyingkirkan sa-tengah-tengah pihak dan golongan Komunis, maka Malaysia juga memperkuat kepercayaan dan keyakinan umat Melayu seluruhnya untuk mempertahankan dan menyelamatkan orang Melayu dan rakyat bumi putera di-seluruh Malaysia daripada ditenggelamkan di-dalam arus perjuangan dengan warga-negara yang bukan Melayu.

29. Oleh itu Malaysia dengan sendiri-nya menjadi faktor yang kedua, selain dari Merdeka yang menjamin nasib orang Melayu dan bumi putera pada masa akan datang. UMNO sebagai pelopor mestilah sanggup *memimpin* orang Melayu dan rakyat Malaya seluruhnya dan mesti mempunyai keyakinan yang tidak dapat dipatahkan oleh apa pun juga akan kebolehan-nya dan kebolehan orang Melayu seluruhnya berjuang, bertanding dan bekerjasama dengan orang-orang yang bukan Melayu, bukan sahaja untuk membenarkan kata-kata "takkan Melayu hilang di-dunia", tetapi untuk hidup di-dalam kebahagiaan, kema'amoran dan keselamatan bersama dengan seluruh rakyat Malaysia.

32. Dengan lahirnya Malaysia maka dengan sendiri-nya timbul beberapa so'al yang mesti di-hadapi oleh party politik Kebangsaan seperti UMNO. UMNO mestilah mempunyai kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan perjuangan dan perkembangan pada hari ini di-dalam lingkungan negara Malaysia.

31. Dasar apa-kah yang mesti di-anut oleh UMNO untuk di-tanam dan di-sebarkan kepada tiap-tiap anggota UMNO atau apa-kah matlamat perjuangan UMNO setelah tertubuhnya Malaysia ?

32. Dasar ini bolehlah di-bahagikan kepada dua bahagian iaitu Dasar Dalam Negeri dan Dasar Luar Negeri:

33. UMNO mestilah tegas dan berani menekankan iaitu matlamat yang di-tuju oleh UMNO iaitu perpaduan dan kerjasama rakyat Malaysia seluruhnya. Dengan lain perkataan iaitu, menuju kepada tercapai jiwa satu Bangsa, yang tidak berbelah bagi ta'at setia-nya di-dalam mana tiap-tiap anggota atau rakyat mempunyai penuh kesadaran bahawa hidup dan tanggungjawab-nya adalah untuk Malaysia. Keamanan dan kesejahteraan Malaysia adalah bergantung di-stas fahaman saling mengerti dan kerjasama di-antara satu golongan bangsa dengan yang lain.

34. Untuk perjuangan ini maka UMNO hendaklah memperjuangkan supaya perbedzaan yang ada sekarang ini terutama dalam lapangan perusahaan dan perniagaan, pendidekan dan pergaulan, beransor2 dapat di-samakan. UMNO mesti-lah tegas dalam menyatakan untok memadam dan mempalsukan tuduhan2 yang di-lemparkan oleh pehak2 anti Melayu di-negeri ini, ia-itu persamaan hak (equal right), mesti-lah di-jalankan di-negeri ini dengan kerana ada terchatet di-dalam perlembagaan tentang hak keistimewaan (special previlige), yang di-berikan kepada orang Melayu. Sa-balek-nya UMNO mesti-lah tegas menyatakan bahawa sa-belum hak keistimewaan ini di-hapuskan, maka peluang yang sana (equal opportunity) mesti-lah di-dahulukan. Menghapuskan hak keistimewaan ia-itu dengan menelcankan tentang persamaan hak pada waktu ini sa-mata2 akan mengakibatkan terbit-nya perbedzaan yang luas. dan dalam di-antara orang Melayu dengan gulongan bangsa2' yang bukan Melayu. Ini berma'ana orang Melayu bukan sahaja akan bertambah kehilangan hak-nya, tetapi beransor2 kehilangan peluang dalam segala lapangan baik ekonomi, pendidekan, atau pun lain2-nya. Dan akhir-nya orang Melayu akan hilang terus torutama manakala hak politik juga terlepas ka-tangan mereka2 yang anti-Melayu.

35. Sa-bagai chontoh-nya, liha.t-lah pada hari ini ia-itu dengan kerana lebar-nya jurang perbedzaan ekonomi di-antara orang2 Melayu dengan orang2 China, maka akibat-nya dapat dilihat .daripada lebar-nya jurang perbedzaan di-antara bilangan anak2 Melayu dengan bilangan anak2 yang bukan Melayu, terutama anak2 China di-dalam lapangan pendidekan. Bilangan anak2 Melayu di-kedua2 University Malaya dan Singapura dan juga di-sekolah2 nenengah Inggeris di-seluruh negeri ini dan di-University2 di-saberang laut ada-lah menjadi chontoh yang tidak dapat di-nafikan, Sa-lama ini kebanyakan daripada penuntut2 Melayu di-luar negeri yang tidak pun lebeh daripada 10 peratus itu ada-lah mendapat biasiswa daripada Kerajaan atau badan2 perusahaan atau badan2 sabagai Colombo Plan dan sa-bagai-nya. Sa-kira-nya tidak ada bantuan2 ini, barangkali tidak ada beberapa kerat pun bilangan. orang2 Melayu yang mampu menghantar anak2 mereka dengan perbelanjaan sendiri.

Ini-lah sebab-nya maka bantuan Kerajaan bukan sahaja dalam rangka biasiswa, tetapi lebeh mustahak lagi dalam rangka ekonomi sangat2 di-kahendaki. Kehidupan dan taraf hidup orang2 Melayu, biar di-kampong, mahu pun di-bandar2, mesti-lah di-tinggikan dengan sa-berapa segera yang boleh. Apa lagi di-bandar2 dan di-kota2, keadaan perlumbaan hidup ada-lah sangat nebat. Maka peluang dan keinginan orang Melayu untok inemasokki lapangan perniagaan dan perusahaan hendak-lah di-bantu dengan sa-daya-upaya-nya oleh Kerajaan. Dengan bertambah tinggi-nya taraf penghidupan mereka2 ini dapat-lah menambah bilangan anak2

Melayu dalam lapangan pendidekan dan pergaolan.

37. UMNO mesti-lah tegas dengan polisi-nya memperjuangkan peluang yang sama (equal opportunity) ini. UMNO hendak-nya jangan mudah terpengaruh oleh pihak2 yang melemparkan tuduhan2 yang mengatakan bahawa polisi demikian ada-lah berlawanan dengan perlemlagaan atau dengan keamanan negeri ini. Sa-balek-nya hendak-lah di-tegaskan bahawa ini-lah sahaja polisi yang boleh menjamin keamanan ra'ayat dan negeri ini pada masa akan datang. Kalau UMNO sanggup bertolak ansor dalam soal2 ini ber-ma'ana--lah yang UMNO turut sama menyokong faktor2 yang mengamcham keselamatan ra'ayat dan nageri ini.

38. Orang2 yang bukan Melayu tidak sa-harus-nya berasa churiga terhadap keikhlasan UMNO. Sa-balek-nya mereka patut merasa insaf dan bertimbang rasa atas nasib yang menimpa bumi putera asli negeri ini. Chuba-lah mereka bayangkan sendiri diri mereka sa-bagai orang Melayu berdiri atas tanah ayer-nya sendiri dengan di-lengkongi oleh bangunan2 yang besar dan indah, kekayaan yang menimba2 dan menchurah2 dan peluang2 untok menchapai ke-bahagiaa2 ini yang hampir semua-nya terenggam di-dalam tangan orang2 yang bukan Melayu. Bagaimanakah agak-nya perasaan mereka itu? Kita tidak menyo'al tentang hak mereka mendapat kekayaan dan kemakmoran serta peluang2 yang ada pada mereka sekarang dan kita tidak sama sekali berniat untok merampas kekayaan2 itu, juga kita tidak menyalahkan sesiapa dan mengapa keadaan ini sampai begini sekali berlaku-nya. Apa yang kita minta ialah supaya mereka turut insaf dan turut mengerti apa yang di-rasakan oleh orang Melayu dan seterusnya turut bersimpati dan memberi bantuan kepada orang2 Melayu.

39. Mereka juga patut sedar iaitu jika mereka terus berkeras menyekat dan menghalang bantuan2 ini dan berusaha merebut kekuasaan politik dari tangan orang2 Melayu yang nada hari ini di-dalam tangan UMNO dan rakan2 kita dalam MCA dan MIC, maka akibat-nya iaitu sekira-nya kekuasaan politik ini terjatoh ka~dalam tangan mereka2 yang pada hari ini menyuarakan anti-Melayu atau sebalek-nya ka-dalam parti orang Melayu yang menyuarakan anti- orang yang bukan Melayu, maka sudah tentu huru hara malah pertumpahan darah akan terjadi di-tanah ayer kita ini.

Ketegasan dan kejujoran UMNO di-alam so'al ini sepatut-nya-lah di-hargai dan di-hormati oleh orang2 yang bukan Melayu dan mutlamat perjuangan UMNO menegakan satu bangsa yang mempunyai hak dan peluang yang sama dan mempunyai ta'at setia yang tidak berbelah bagi hendak-lah di-fahamkan dengan sepenoh-nya. Hendak-nya jangan-lah perseimbangan penduduk dengan kemasok-kan Singapura ka-dalam Malaysia menjadi faktor merachunkan

fikiran orang2 yang bukan Melayu, terutama orang2 China untuk merampaskan kekuasaan politik dari tangan orang Melayu, supaya dapat mereka berkuasa penuh di-negeri ini, sa-balek-nya kalau UMNO juga hendak memikirkan masaalah ini, tentu sahaja UMNO tidak akan merapersetujui dengan kemasokan Singapura sa-kurang-nya tidak pada waktu ini.

41. Kalau perasaan dan kesedaran untuk berkuasa dan memperkosakan golongan2 bangsa lain dengan berlumba2 untuk nerampas kuasa politik terus hidup dan menjadi pegangan golongan2 ra'ayat di-Malaysia maka sa-lama itu-lah Malaysia akan terancham dan segala kemajuan sert-a kema'moran yang di-chapai pada hari ini tidak akan dapat menjamin keselamatan dan kebahagiaan kita dan anak chuchu kita di-masa yang akan datang.

Berbedza dengan golongan2 yang anti-nasional yang masih ragu2 dan perchaya memperchayai antara satu golongan dengan golongan yang lain dan yang sentiasa memikirkan untuk memeras, menginjak dan menentang golongan2 lain yang dengan sendiri-nya memperhambakan fikiran dan perbuatan mereka umpama-nya ada golongan bangsa yang saraandang ka-Indonesia atau ka-China atau ka-India atau ka-Moscow atau ka-White Hall atau ka-mana juga sa-bagai puncha kekuatan dan keselamatan mereka, maka UMNO adalah mempunyai satu pandangan sahaja, ia-itu kapada kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia. Dalam pada itu ada-lah menjadi polisi UMNO untuk berbaik2 dengan semua negara2 di-dunia yang berfahaman Demokrasi dan terutama dengan negara2 tetangga.

Tidak sa-siapa dapat menafikan usaha2 yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan yang di-pimpin oleh Tunku Perdana Menteri kita di-dalam lapangan mempetiratkan hubungan dengan negara2 tetangga. Tidak sa-siapa dapat menafikan usaha2 yang di-jalankan Kerajaan Perikatan yang di-pimpin oleh Tunku Perdana Menteri kita, apa yang terjadi pada hari ini di-dalam perhubungan kita dengan negara2 Indonesia dan Filipina ada-lah sana sa-kali bukan kesalahan kita. Seluruh dunia mengetahui bahawa Perdana Menteri kita telah menjalahkan segala ikhtiar dan usaha untuk menchapaikan persafahaman dan pengertian negara2 tetangga kita ini dalam soal Malaysia yang menjadi sebab konfrantasi daripada pihak mereka terhadap kita.

Ranchangan A.S.A. ada-lah menjadi bukti yang nyata akan kahendak dan chita2 kita. Bagitu juga dalam memberikan persetujuan kapada ranchangan MAPHILINDO yang berma'ana mengnidupkan kembali rasa persaudaraan di-antara ketiga2 negara yang berasal, melayu ada-lah menjadi satu kenyataan lagi di-atas chita2 UMNO untuk berbaik2 dan bekerjasama dengan negara2 tetangga.

45. Tentang pendirian UMNO terhadap pertubohan bangsa2 dan lain2 pertubohan2 dunia, sudah menjadi kenyataan daripada tindakan2 dan langkah2 yang di-ambil oleh Kerajaan kita samenjak negara menepapai kemerdekaan-nya. Oleh itu tidak-lah mustahak lagi bagi saya melanjutkan penerangan dalam hal ini.

46. UMNO ia-lah pertubohan Kebangsaan yang berdasarkan Demokrasi (Democratic Nationalism). Dasar Kebangsaan berdasarkan Demokrasi ini ada-lah satu dasar yang Realistik dan paling sa-suai untok menuju kapada satu perpaduan bangsa di-Malaysia. Nationalism atau Kebangsaan yang tidak berdasarkan Demokrasi akan membawa Malaysia ka-jurang kehanchoran ia-itu sa-mata2 akan melahirkan lebeh banyak perpechahan dan keruntohan di-antiara ra'ayat Malaysia. Tiap2 fahaman kebangsaan yang tidak meluputi ra'ayat Malaysia seluroh-nya, dan tidak mengakui bahawa tiap2 ra'ayat yang menjadi warga-negara Malaysia ada-lah mempunyai hak dan peluang yang sama sa-kali akan dapat menjamin keselamatan dan kebahagiaan Malaysia pada masa akan datang. Apa lagi kalau faham kebangsaan itu di-dasarkan atas chorak perkauman.

47. Dari itu juga UMNO menentang sa-genap polisi yang di-dasarkan, baik pun atas dasar ugama atau idiologi yang mem-bedzakan2 antara satu gulongan dengan gulongan yang lain atau antara satu kelas atau tingkatan hidup dengan yang lain.

Dasar kominizem atau sosializem yang menekan dan memberatkan satu gulongan manusia di-dalam masyarakat dan sa-balek-nya memusohi serta bertujuan memusnahkan gulongan2 lain, maka dasar yang demikian bukan sahaja tidak sa-suai, malahan sama sa-kali tidak dapat menguntongkan ra'ayat Malaysia. Dasar yang demikian bukan untok menyatu-padukan atau untok mengurangkan perbedzaan dan permusohan di-antara gulongan2 ra'ayat di-dalam Malaysia bahkan sa-balek-nya akan menambah memperlebar perbedzaan dan permusohan tersebut dan mengakibatkan bukan sahaja perpaduan yang kita harap2kan itu tidak akan terchapai, tetapi pertemporan dan kekachauan akan terus-menerus berlaku.

UMNO sama sa-kali tidak mempersetujuan polisi yang di-dasarkan di-atas chorak permusohan yang di-tujukan untok menambah perasaan benchi membenchi dan tidak perchaya memper-chayai di-antara satu gulongan dengan gulongan lain yang menjadi ra'ayat Malaysia. Tiap2 perbedzaan yang ada pada hari ini biar dalam lapangan ekonomi, pendidekan, pergaulan dan lain2 akan dapat di-chapai persamaan-nya dengan perundingan dan persetujuan dengan jalan kerjasama dan perasaan saling mengerti dari tiap2 gulongan yang berkenaan.

50. Sa-bagai UMNO menentang chara2 memperbaiki

masyarakat dengan mengadu domba dan memusuhi antara satu golongan dengan lain di-dalam Malaysia maka UMNO juga menentang jika chara2 dan polisi demikian di-jalankan oleh golongan2 kaum modal yang semata2 mementingkan keuntongan dan kepentin'gan mereka dengan tidak mengeria dan memperdulikan untong nasib kaum pekerja tau kaum2 lain, Pendek-nya UMNO menentang segala langkah yan§ memaksud melahirkan chorak dictarorship biarpun dictarorship yang berchorak kaum pekerja (politarian) atau kaum modal (Capitalist)o

51. Tiap2 langkah dan usaha untuk menonjol dan memaksa kemahuan satu2 golongan atas golongan lain hendak-lah di-hindarkan, Kerajaan atau pemerintah hendak-lah tegas c'alam menghadapi anasir2 yang nanti perpaduan bangsa atau yang menchuba memainkan rol satu2 golongan dengan chara kekerasan atau dengan memusuhi golongan2 lain semata2 untuk kepentingan dan keuntongan golongan mereka sendiri.

52. Pendek-nya dasar kebangsaan yang berdasar demokrasi yang menjadi falsafah (panduan) perjuangan UMNO ada-lah satu sistem kebangsaan yang mengakui bahkan mengagongkan semangat kebangsaan di-dalam Malaysia. Kepada raayat2 Malaysia yang berasal dan berketurunan daripada berbagai2 chorak dan jenis maka kebangsaan Malaysia ada-lah satu faktor yang paling mustahak untuk membena, menalor dan menjadikan tiap2 warga-negara yang dapat aenumpahkan sepenoh tanggong-jawab dengan mempertahankan keselamatan dan keamanan Malaysia pada masa akan datang. Hagaimana pun satu perkara yang mesti di-awasi iaitu semangat kebangsaan ini bukan dengan senang-nya di-gunakan atau di-pesongkan oleh satu2 golongan untuk kepentingan mereka sendiri. Di-dalam sejarah dapat kita perhatikan bagaimana semangat kebangsaan ini di-gunakan untuk faedah2 yang tertentu yang akibat-nya menyebabkan berlaku kejadian2 yang tidak di-ingini saperti peperangan atau pertelingkahan di-antara satu bangsa dengan bangsa lain atau Negara lain-nya.

Kedua2 perkara yang besar ini dan pertelingkahan2 yang maseh di-dapati pada hari ini di-seluroh Dunia kebanyakan nya di-sebabkan oleh semangat dan jiwa kebangsaan yang meluap2 man tidak dapat di-kawal lagi, Dalam pada itu semangat dan jiwa kebangsaan ihi juga mendorong negara2 menchapai kemajuan dan kemakmoran dan terutama sekali kepada Negara2 Asia dan Afrika termasuk-lah Negara kita menchapai kemerdekaan dan Pemerintahan sendiri.

54. Apa yang mesti di-perhatikan oleh negara kita dan negara2 yan g baru merdeka- ialah supaya semangat kebangsaan raayat ini tidak di-gunakan oleh kuasa2 liar untuk faedah dan kepentingan mereka. Bukit yang nyata kelihatan di-beberapa kawasan2 Dunia.

di-mana komunis yang sa-patut-nya anti kebangsaan telah meninggi-kan semangat Kebangsaan ra'ayat2 di-Negeri yang belum atau yang baharu terlepas daripada penjajahan untok kepentingan.mereka. Pendek-nya bukan sahaja pehak komunis, tetapi semua pehak yang bertujuan untok menjajah atau mengekalkan pengaruh penjajahan mereka di-Negeri2-nya yang baharu menchapai kemerdekaan ada-lah menjalankan polisi yang demikian, ia-itu dengan menggunakan peluang semangat kebangsaan yang meluap2 di-kalangan ra'ayat2 di-Negeri itu.

55. UMNO sa-bagai sa-buah pertubohan kebangsaan mesti-lah berhati2 supaya dalam memperjuangkan kita tidak memberi peluang kapada pehak2 saperti yang di-sebutkan terdahulu tadi. Kekalahan dan kemundoran yang di-alami oleh party komunis Malaya pada masa yang lalu dengan kerana tidak mendapat sokongan orang2 Melayu yang berfahaman kebangsaan. Oleh itu memang menjadi dasar komunis di-Malaysia pada hari ini, untok meresap dan menyeludop menchari pengaruh dan sokongan ra'ayat Melayu terutama-nya dengan menggunakan atau semainkan semangat kebangsaan ini,

56. Umno berpendapat bahawa tiap2 sistem pemerentahan yang menggunakan kekerasan dan paksaan atas gulongan2 masharakat-nya sendiri untok menjalankan sistem tersebut saperti yang di-jalankan oleh pemerentah2 komunis dan fascist dan tidak akan dapat menjamin keselamatan dan keamanan negara itu di-masa panjang, sa-bagai juga tidak dapat menjamin kebebasan dan kemer-dekaan ra'ayat-nya sendiri. Manusia boleh di-paksa dan di-tundukkan, tetapi chuma untok sementara. Oleh itu tiap2 peme-rentahan yang berdasarkan kekerasan atau pemerentahan yang tidak akan kekal lama. Sejarah dapat membuktikan kenyataan tersebut. Perselisihan dan persengkataan yang terus-menerus berlaku di-negara2 yang berdasarkan fascist atau komunis yang dahulu-nya menchapai kekuasaan dengan kekerasan ada-lah membuktikan kebenaran ini. Pendek-nya tiap2 kekerasan akan di-balas dengan kekerasan jua.

57. Di-dalam pemerentahan yang berdasarkan democratic nasionalism, semua ra'ayat akan mendapat tempat dan peluang yang sasuai dengan kebolehan dan kemampuan-nya - Unsur2 yang boleh menyebabkan perselisihan dan permusohan baik di-antaca satu tingkatan hidup dengan tingkatan hidup yang lain, mesti-lah di-singkirkan. Kerana unsur2 ini-lah yang bakal menghalang kemajuan, kema'amoran dan keselamatan negara dan ra'ayat kita seluroh-nya.

53. Di-dalam pemerentahan yang berchorak kebangsaan, berdasarkan demokrasi segala bidang ekonomi pendidekan kebudayaan social dan sa-bagai-nya, hendak-lah di-asas di-gerak dan di-tuju-kan kapada kemajuan kekuatan dan perpaduan ra'ayat Malaysia seluroh-nya.

59. di-dalam merangka perjuangan ini-lah maka kekuatan UMNO hendak-lah di-tujukan untuk membentok dan membena datu bangsa. Malaysia yang tulin.

60. UMNO sa-bagai party pelupor kemerdekaan Malaya dan Malaysia hendak-lah sanggup menjadi pelupor mempertahankan kemerdekaan dan kedaula-tan-nya.

61. Ahli2 UMNO mesti Sentiasa waspada, bahawa kemerdekaan yang telah di-chapai oleh kita tidak akan dapat di-kekalkan kalau kita tidak sanggup dan berani mempertahankan-nya. Kemerdekaan ini hendak-lah di-ingat bukan-lah kemerdekaan untuk kepentingan satu2 gulongan atau pun gulongan UMNO sendiri, tetapi" ada-lah untuk ra'ayat Malaysia seluroh-nya. Tiap2 satu ranchangan yang di-buat atau di-lancharkan oleh Kerajaan ada-lah demi kepentingan ra'ayat dan negara seluroh-nya. Bukan-nya dengan chara menunjukkan atau mengagongkan ni'mat dan kebahagiaan yang di-kechap oleh ahli2 UMNO boleh di-jadikan alasan menarek ra'ayat menyokong pertubohan kita. Sa-balek-nya biar-lah ra'ayat sendiri sedar dengan kejujoran dan ketabahan perjuangan UMNO, maka dengan sendiri-nya mereka akan menyokong perjuangan dan per-tubohan kita.

62. Sa-bagai yang di-sebutkan di-atas kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia ada-lah merupakan asas perjuangan UMNO untuk meninggikan taraf hidup orang2 Melayu termasuk lain2. bumi putera asli negeri ini, supaya sa-laras dengan taraf hidup gulongan2 bangsa lain di-negeri ini. Dengan lain2 perkataan ia-lah untuk menehapai taraf atau peluang yang sama (equal oppor-tunity), di-antara gulongan2 kaum dan bangsa di-Malaysia, di-dalam segala lapangan terutama ekonomi, pendidekan dan pergaulan, 1

63. Oleh itu UMNO mesti-lah sentiasa merupakan sa-buah party yang kuat dan mendapat sokongan bukan dari ahli2-nya, tetapi ra'ayat seluroh-nya untuk terus berkuasa di-dalam lapangan politik sa-kurang2-nya sa-hingga terchapai matlamat ini,

UMNO juga mesti terus menjadi pelupor di-dalam mempertahankan pemerentahan yang berchorak perlembagaan di-Malaysia. Pemerentahan dictatorship dalam apa bentuk-nya juga ada-lah di-tentang oleh UMNO. Di-dalam bentuk dan keadaan di-Malaysia, pemerentahan dictatorship baik yang berdasarkan gulongan bangsa, ugama atau ideology, tidak akan menguntongkan kita, mala-han sa-balek-nya nenerbitkan kachau bilau dan huru hara. Kerana pemerentahan dictatorship akan melahirkan dan menggalakkan per-musohan di-antara satu kaum atau gulongan yang akibat-nya men-jadikan negeri ini medan perjuangan dan pertemporan yang tidak akan habis2.

65. UMNO sa-bagai sa-buah pertubohan kebangsaan akan terus merapertahankan taraf dan kedaulatan Raja2 Melayu, terutama sekali kedudukan Yang Di-Pertuan Agong sa-bagai kapada Negara Malaysia, yang berpelembagaan. Segala tujuan dan langkah hendak manjadikan Malaysia sa-buah negara Republik ada-lah di-tentang oleh UMNO.

66. Dengan keadaan rupa bangsa dan chorak hidup di-Malaysia yang tidak ada perbandingah (unique) dengan mana2 negara juga di-dunia ini, maka chuma dengan berkekalan pemerentahan beraja yang berpelembagaan sahaja-lah boleh menjamin ketenteraman dan ta'at setia ra'ayat seluroh-nya kapada negara Malaysia.

Yang Di-Pertuan Agong sa-bagai Kepala Negara Malaysia ada-lah merupakan simbol perpaduan ta'at setia dan kekuatan ra'ayat dari gulongan dan bangsa, sa-bagaimana juga Yang Di-Pertuan Agong menjadi simbol keperibadian dan kebudayaan Malaysia yang mesti di-hormati, di-pelihara dan di-junjung tinggi oleh tiap2 sa-orang warga negara.

68. Di-dalam rangka pemerentahan kebangsaan yang berdasarkan demokrasi UMNO, akan terus menegakkan Ugama Islam sa-bagai Ugama Resmi bagi Malaysia, UMNO ada-lah juga menjadi pelupor di-dalam berjuang dan memelihara taraf Ugama Islam supaya tetap terus di-akui di-dalam Perlembagaan dan berusaha serta berikhtiar supaya Ugama Islam merupakan satu faktor yang melahirkan;keamanan dan keadilan yang sa-benar2-nya, di-antara ra'ayat Malaysia yang terdiri dari berbagai2 kaum dan ugama-nya.

69. Di-dalam kedudukan dan chorak hidup serta pergaulan yang ada sekarang hak2 istimewa orang2 Melayu dan lain2 ra'ayat bumi putera asli negeri ini, hendak-lah di-eratkan dan di-perkekalkan. Di-dalam menuntut supaya hak2 ini di-kekalkan, bukan-lah sama sa-kali UMNO menafikan hak2 gulongan2 bangsa lain yang telah menjadi warga negara Malaysia. Juga sama sa-kali bukan-lah niat UMNO menafikan persamaan hak di-antara warga negara Malaysia supaya di-akui di-dalam perlembagaan. Tujuan UMNO ada-lah ikhlas dan suchi dengan tidak ada chita2 untok merebut atau merampas hak2 warga negara yang memang di-akui di-dalam perlembagaan.

Apa-kah yang lebeh jelas di-dalam polisi UMNO manakala di-tegaskan bahawa UMNO ada-lah menentang segala keke- rasan dan paksaan di-dalam apa usaha pun juga untok membaiki taraf hidup baik orang Melayu atau ra'ayat Malaysia seluroh-nya. Dapat-kah gulongan2 lain yang menyalahkan UMNO menuntut supgya hak ini di-kekalkan sa-kurang2-nya sa-hingga peluang yang sama (equal opportunity) terchapai di-antara semua gulongan ter-

masuk orang Melayu dan lain2 bumi putera asli negeri ini di-dalam rangka kemajuan dan kema'amoran Malaysia seluruh-nva. Sa-lagi perbedzaan2 yang luas maseh di-dapati di-lapangan ekonomi, pendidkan dan pergaulan di-antara ra'ayat2 Malaysia, maka sa-lama itu-lah puncha perselisehan, iri-hati dan salah faham akan terus menerus menjadi faktor2 yang holeh menyekat dan meruntuhkan chita2 kita bersaraa untok membena negara Malaysia yang sa-benar2 bahagia dan ma'amor.

71. Pendek-nya sa-lagi ada peluang untok satu gulongan memeras dan menindas gulongan lain maka sa-lama itu-lah keselamatan Malaysia akan terancham. Sa-balek-nya segala halt yang di-tuntut oleh UMNO ada-lah di-tuntut melalui perlembagaan dan sama sa-kali tidak akan merugikan bangsa dan gulongan lain yang sudah jauh lebeh maju daripada orang Melayu dan lain bumi putera asli negeri ini,

72. Negara Malaysia yang merdeka hendak-lah berupa nengikis saki baki yang di-tinggalkan oleh pemerentahan penjajah di-dalam unsor2 yang memechah belah dan membedza2kan di-atas satu gulongan dengan gulongan lain. Kalau di-masa lampau pemerentahan penjajah membiarkan terus menerus perpechahan dan perbedzaan ini berlaku sa-hingga jurang-nya menjadi sa-bagitu lobar saperti yang ada sekarang, maka perkara itu ada-lah kelaziman bagi polisi pemerentahan penjajah yang lebeh memandang kapada keuntungan dan kepentingan mereka sendiri. Tetapi ada-kah Negara Malaysia yang sudah merdeka yang pemerentahan-nya terletak di-dalam ra'ayat Malaysia sendiri akan terus menerus juga menjalankan dasar yang demikian, biar pun kita semua tahu bahawa dasar itu akan menghanchorkan keselamatan dan keamanan Malaysia serta ra'ayat-nya sakelian pada masa akan datang.

73. Pendek-nya chuma bagi orang2 yang fikiran-nya di-awang2an dan kaki-nya tidak berjejak di-bumi, tidak mengerti atau tidak mahu mengerti hakikat yang sa-benar-nya, oleh itu tidak mahu mengakui dan menyokong kebenaran dan tuntutan yang di-perjuangkan oleh UMNO ini,

74. Pendek-nya segala ranchangan dan perjuangan UMNO yang di-tujukan untok membaiki dan meninggikan taraf hidup orang Melayu dan lain bumi putera asli negeri ini, ada-lah berdasarkan atau termasuk di-dalam rangka perjuangan UMNO mewujud dan menegakkan satu bangsa yang kuat, tegoh dan bersatu di-antara ra'ayat Malaysia dengan tidak mengira asal keturunan, ugama, kebudayaan dan sa-bagai-nya. Untok itu-lah juga maka UMNO memperjuangkan Bahasa Melayu supaya di-terima oleh sa-genap lapisan ra'ayat sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi di-dalam Malaysia Merdeka. Bahasa dan kebudayaan ada-lah faktor yang

penting di-dalam usaha membena dan melahirkan satu bangsa yang sa-benar² bersifat berfikir berperangai Malaysia dengan tidak memandang atau menumpukan ta'at setia-nya ka-negara² lain,

75. Gulongan dan bangsa lain yang membantu mempercepat Bahasa Melayu di-terima dan menjadi Bahasa Kebangsaan di-Malaysia ada-lah turut membantu supaya lekas-nya terchapai tujuan melahirkan satu bangsa Malaysia yang di-sebutkan di-atas. Sa-balek-nya kalau mereka menghalang dan menyekat usaha ini maka mereka ada-lah gulongan yang tidak suka melihat perpaduan dan persafahaman di-antara semua gulongan² bangsa di-Malaysia, terchapai dan sa-terus-nya tidak ingin melihat anak chuchu keturunan kita sakelian akan datang hidup di-dalam aman, damai dan ma'amor, Pendek-nya ini-lah serba ringkas dasar perjuangan UMNO yang menjadi pegangan ahli² UMNO dai yang akan di-perjuangkan di-seluruh Malaysia.

Terima Kaseh.

MERDEKA I